



UNIT PINJAMAN PEJABAT BENDAHARI KUIM

1. SUMBER / JENIS PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

1.1 Senarai sumber / jenis pembiayaan pendidikan bagi pelajar warganegara Malaysia yang layak :

BIL	JENIS PEMBIAYAAN	SUMBER
1	BIASISWA	TAPEM (PROGRAM TAHFIZ BISTARI)
2	DERMASISWA	TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR (KUIM)
		TAPEM (ANAK MELAKA KATEGORI ASNAF),
		LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (ANAK SELANGOR KATEGORI ASNAF)
		PUSAT ZAKAT SABAH
		MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MUALAF)
		MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR (MUALAF)
		MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MUALAF)
		MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
		MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (LABUAN)
		MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)
		MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)
		MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK (MAIP)
		MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS),
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)		
3	BANTUAN KEWANGAN	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (OKU)
4	PINJAMAN	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN),
		TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA (TAPEM),
		YAYASAN BANK RAKYAT
5	SIMPANAN/ SENDIRI	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP),
		PEMBIAYAAN PERIBADI DARI BANK
		WANG SIMPANAN PERIBADI

1.2 Ibu bapa/ Penjaga dan pelajar dinasihatkan untuk membuat pilihan samada membuat pinjaman pendidikan atau membiayai sendiri yuran pengajian dari awal semester. **70 %** pelajar KUIM mengambil PTPTN kerana kemudahan pinjaman pendidikan tinggi yang disediakan.

1.3 Permohonan pinjaman pendidikan PTPTN perlu dibuat oleh pelajar sendiri mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

2.1 SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN :

- i) Membuka Akaun SSPN-*i* di mana-mana cawangan secara atas talian PTPTN (<http://www.ptptn.gov.my/esmas-open-acc-web/#/>)
- ii) Membuka akaun simpanan BIMB di atas nama pelajar
- iii) Membeli No. PIN di Bank Simpanan Nasional (BSN)
- iv) Mempunyai alamat email yang sah
- v) Menyelesaikan keseluruhan hutang pembiayaan pendidikan terdahulu sekiranya pernah mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN tetapi gagal/berhenti/mendapat penaja lain/membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN.

2.2 CARA MEMBUKA AKAUN SSPN-*i*

- i) Boleh dibuat di mana-mana cawangan PTPTN
- ii) Permohonan bagi pelajar **di bawah umur 18 tahun** :
 - * Borang SSPN-*i* (lengkap isi)
 - * Salinan kad pengenalan pelajar
 - * Salinan kad pengenalan waris
 - * Salinan sijil kelahiran pelajar
 - * Bayaran minimum RM 20.00 ke atas
- iii) Permohonan bagi pelajar berumur **18 tahun ke atas** :
 - * Borang SSPN-*i* (lengkap isi)
 - * Salinan kad pengenalan pelajar
 - * Bayaran minimum RM 20.00 ke atas

2.3 CARA MEMBUKA AKAUN BIMB

- i) Boleh dibuat dimana-mana cawangan **BIMB** yang terdekat
- ii) Permohonan bagi pelajar **di bawah umur 18 tahun** :
 - * Hadir bersama ibu/ bapa / penjaga bagi membuka akaun.
 - * Salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga dan salinan sijil kelahiran
 - * Wang Deposit RM 100.00
 - * Sila bawa dokumen asal bersama
- iii) Permohonan bagi pelajar berumur **18 tahun ke atas** :
 - * Wang Deposit RM 100.00
 - * Salinan kad pengenalan dan salinan kad pelajar atau sijil kelahiran atau lesen memandu
 - * Sila bawa dokumen asal bersama

2.4 CARA MEMBUAT PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN SECARA ONLINE

- i) Mengisi permohonan secara atas talian (ONLINE) di laman sesawang www.ptptn.gov.my mengikut ketetapan seperti dalam jadual berikut:-

TARIKH PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN SECARA ATAS TALIAN (KUIM)

SEMESTER PENGAJIAN		TARIKH PENGHANTARAN PERMOHONAN	
SEMESTER 1	JUN	KELOMPOK 1	01/06 HINGGA 30/06
		KELOMPOK 2	01/07 HINGGA 31/07
SEMESTER 2	DISEMBER	KELOMPOK 1	01/12 HINGGA 31/12
		KELOMPOK 2	01/01 HINGGA 31/01

- 1) Permohonan akan diproses dalam tempoh **6 hari bekerja** selepas tarikh Permohonan Pinjaman PTPTN seperti jadual diatas
- 2) Pelajar perlu mencetak surat tawaran pinjaman setelah mendapat kelulusan serta menghantar dokumen yang lengkap ke Unit Pinjaman KUIM atau menghantar terus ke mana - mana pejabat PTPTN dalam tempoh **14 hari** selepas tarikh kelulusan pinjaman.

- ii) Jumlah Pembiayaan Pinjaman PTPTN

JUMLAH PEMBIAYAAN	SYARAT KELAYAKAN PEMBIAYAAN
i. Pembiayaan Maksimum	Data pelajar atau ibubapa disenaraikan oleh LHDN sebagai penerima BPR
ii. Pembiayaan 75% daripada jumlah max.	Pendapatan bulanan keluarga pelajar tidak melebihi < RM 8000.00
iii. Pembiayaan 50% daripada jumlah max.	Pendapatan bulanan keluarga pelajar melebihi > RM 8000.00

- iii) Jumlah Pembiayaan PTPTN mengikut peringkat pengajian

PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH PEMBIAYAAN SETAHUN MENGIKUT PERINGKAT		
	MAKSIMUM	75%	50%
DIPLOMA	RM 8,000.00 setahun (RM 4,000.00 setiap semester)	RM 5,100.00 setahun (RM 2,550.00 setiap semester)	RM 3,400.00 setahun (RM 1,700.00 setiap semester)
DIPLOMA (SAINS KESIHATAN)	RM 12,750.00 setahun (RM 6,375.00 setiap semester)	RM 9,560.00 setahun (RM 4,780.00 setiap semester)	RM 6,380.00 setahun (RM 3,190.00 setiap semester)
IJAZAH SARJANA MUDA	RM 13,600.00 setahun (RM 6,800.00 setiap semester)	RM 10,200.00 setahun (RM 5,100.00 setiap semester)	RM 6,800.00 setahun (RM 3,400.00 setiap semester)
IJAZAH SARJANA MUDA (SAINS KESIHATAN)	RM 17,000.00 setahun (RM 8,500.00 setiap semester)	RM 12,750.00 setahun (RM 6,375.00 setiap semester)	RM 8,500.00 setahun (RM 4,250.00 setiap semester)

- iv) Syarat pembayaran pinjaman PTPTN :
 - a) Bayaran pinjaman PTPTN akan dibuat pada setiap semester dengan keputusan peperiksaan GPA 2.00 ke atas sahaja.
 - b) Sekiranya pelajar di bawah tajaan PTPTN mendapat keputusan peperiksaan dengan Purata Nilai Gred / Gred Point Average (PNG/GPA) kurang daripada GPA 2.00 ke atas pada setiap semester:
 - * Pihak PTPTN **tidak akan** membuat pembayaran pinjaman pada semester tersebut.
 - * Pelajar perlu menjelaskan sendiri bayaran yuran pengajian pada semester tersebut dan tiada penanguhan bayaran dibenarkan.
 - * Kegagalan menjelaskan bayaran yuran pengajian akan menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar subjek serta menerima keputusan peperiksaan.

**TARIKH-TARIKH PENTING UNIT PINJAMAN
BAGI PELAJAR KEMASUKAN SESI I 2021/2022**

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

BIL	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	PERKARA
1	30 JUN 2021 (RABU)	Borang Permohonan PTPTN (Kelompok 1) http://www.ptptn.gov.my - Borang hanya perlu dicetak selepas mendapat kelulusan tawaran pinjaman
2	31 JULAI 2021 (SABTU)	Borang Permohonan PTPTN (Kelompok 2) http://www.ptptn.gov.my - Borang hanya perlu dicetak selepas mendapat kelulusan tawaran pinjaman

TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

BIL	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	PERKARA
1	30 JUN 2021 (RABU)	Borang Permohonan Pinjaman TAPEM http://tapemonline.melaka.gov.my/ - Borang perlu dicetak dan disertakan lampiran yang lengkap dan diserahkan ke pejabat TAPEM sebelum tarikh tutup permohonan.
2	6 BULAN SELEPAS TARIKH KEMASUKAN	Borang Permohonan Bantuan ke IPT Kerajaan Negeri Melaka (bagi Non Muslim) Borang permohonan boleh diambil di kaunter Kewangan KUIM atau di pejabat Tapem dan diserahkan sendiri oleh pemohon ke pejabat TAPEM

CARTA ALIRAN PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN

TARIKH PERMOHONAN SESI JUL. 2021

KELOMPOK PERTAMA : 01 JUN 2021 – 30 JUN 2021

KELOMPOK KEDUA : 01 JUL. 2021 – 31 JUL. 2021

TERIMA TAWARAN KEMASUKAN KE KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA



- 1) BUKA AKAUN SIMPANAN BIMB (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)
- 2) BUKA AKAUN SSPNi DI MANA-MANA CAWANGAN ATAU DI LAMAN SESAWANG PTPTN
- 3) BELI NO PIN PTPTN (RM 5) DIBANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)



- 1) MEMOHON SECARA ONLINE DI LAMAN SESAWANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN):
<https://www.ptptn.gov.my/perkhidmatan-menu/perkhidmatan-pinjaman-menu>
- 2) LENGKAPKAN MAKLUMAT, PASTIKAN BUAT SEMAKAN SEBELUM MENGHANTAR PERMOHONAN



**MENDAPAT KELULUSAN PINJAMAN PTPTN
(DALAM TEMPOH 6 HARI BEKERJA SELEPAS TARIKH TUTUP PERMOHONAN)**

- 1) MUAT TURUN DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PTPTN DARI LAMAN SESAWANG PTPTN
- 2) CETAK DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN PTPTN (2 SET)
- 3) LENGKAPKAN DOKUMEN MENGIKUT PANDUAN MENGISI DOKUMEN PINJAMAN PTPTN :
<https://www.ptptn.gov.my/panduan-permohonan-pinjaman-side>



MENYERAHKAN DOKUMEN TAWARAN PINJAMAN YANG TELAH LENGKAP BESERTA DOKUMEN YANG BERKAITAN KE PEJABAT PTPTN DI MANA-MANA CAWANGAN TERDEKAT DALAM TEMPOH **14HARI DARI TARIKH TAWARAN KELULUSAN PINJAMAN PTPTN. (KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN PERJANJIAN LEBIH DARI TEMPOH YANG DITETAPKAN AKAN MENYEBABKAN PERMOHONAN TERBATAL)**



DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN AKAN DIPROSES OLEH PIHAK PTPTN. BAYARAN AKAN DIKREDITKAN DALAM TEMPOH 21 HARI BEKERJA. PIHAK KOLEJ AKAN MEMBUAT POTONGAN YURAN SECARA DIRECT DEBIT DAN BAKI BAYARAN AKAN DIKREDITKAN KE AKAUN PELAJAR